

# Kiraan pencen wajar rujuk PPKM

Oleh Munaarfah Abu Bakar BH 3 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Segala rundingan mengenai kenaikan kadar pengiraan pencen yang dikemukakan kepada kerajaan oleh Cuepacs perlu mengambil kira pandangan Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM).

Naib Yang Dipertua PPKM, Datuk Paduka Raja Wan Mahmood Pawan Teh berharap Cuepacs dapat menyertakan sekali PPKM dalam sebarang perbincangan dengan kerajaan bagi membincangkan kadar kiraan pencen itu.

“Pembabitin kami dalam perbincangan antara Cuepacs dengan kerajaan penting dalam memberikan maklum balas dan input yang tepat mengenai masalah sebenar yang dihadapi pesara kerajaan,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas cadangan Cuepacs supaya kadar pengiraan pencen diubah kepada kadar maksimu

**Jika semakan kiraan pencen berkenan diterima, setiap anggota perkhidmatan awam memerlukan tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi faedah persaraan selama 37 tahun enam bulan (450 bulan)**

sejumlah sebanyak tiga suku daripada gaji yang akhir diterima berbanding separuh sekarang.

Cadangan Cuepacs itu adalah antara beberapa cadangan dalam memorandum yang diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Jika semakan kiraan pencen berkenan diterima, setiap anggota perkhidmatan awam memerlukan tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi faedah persaraan selama 37 tahun enam bulan (450 bulan).

Beliau turut menyambut baik cadangan kadar kiraan baru Cuepacs, memandangkan kemungkinan besar berlaku reaksi rantaian terhadap harga barangan berikutan kenaikan harga petrol sebanyak 10 sen yang diumumkan oleh kerajaan semalam.

“Ia memang satu cadangan baik yang dapat mengurangkan beban golongan pesara yang kini terpaksa bergantung kepada pendapatan melalui hasil pencen yang tidak seberapa,” katanya.

Pada masa yang sama katanya, persatuan sedar

cadangan Cuepacs mengenai kadar baru pencen dibuat sebagai persediaan bagi semua kakitangan kerajaan untuk menghadapi kehidupan selepas bersara.

Raja Wan Mahmood yang juga Pengerusi PPKM Cawangan Selangor berkata, sehingga kini hanya 10,000 pesara kerajaan saja yang mendaftarkan dengan persatuan itu yang antara lainnya persatuan berkenaan ditubuhkan bagi kebajikan sosial dan kesihatan pesara kerajaan.

Malah katanya, jika cadangan itu diterima kerajaan, lebih 40,000 pesara kerajaan di kawasan Lembah Klang akan mendapat faedah daripada kadar pengiraan pencen baru.

Sementara itu, sumber Bahagian Pencen Jabatan Perdana Menteri ketika dihubungi berkata, cadangan kadar kiraan pencen terbit sedang diteliti oleh Perdana Menteri bagi tindakan selanjutnya.